



**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 5 TAHUN 2023**

**PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA (BKK2) TAHUN 2023  
KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung pemberian Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2023 (BKK2) kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Penyelia dan Guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA), Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), kakitangan SRAR, SMAR dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Guru dan Kakitangan Sekolah Persendirian Cina, Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru Tadika Islam (TADIS) Negeri Pulau Pinang di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**LATAR BELAKANG**

2. Sebagai penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan BKK2 Tahun 2023 sebanyak ½ bulan gaji atau minimum RM1,000.00.

3. Pemberian BKK2 ini turut dipanjangkan kepada Penyelia dan Guru KAFA, Guru SRAR, Guru SMAR, Kakitangan SRAR, SMAR dan SABK, Guru

dan Kakitangan Sekolah Persendirian Cina, Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS Negeri Pulau Pinang sebanyak RM300.00.

## **PELAKSANAAN**

4. Pemberian BKK2 ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh **18 April 2023 hingga 18 Disember 2023** dengan pembayaran secara pro-rata (*proportionate*) tertakluk kepada bayaran minimum RM1,000.00.

## **PEGAWAI YANG LAYAK**

5. Pegawai yang layak menerima adalah tertakluk kepada perenggan 4, dan pematuhan kepada perkara- perkara seperti berikut :

- 5.1 pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* (COS), *Contract for Service* (CFS) dan Pekerja Sambilan Harian (PSH)/Personel MySTEP;
- 5.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 5.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 5.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji;
- 5.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKK2 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;
- 5.6 pegawai pinjaman yang kembali ke agensi asal/pembekal, BKK2 ini akan dibayar oleh agensi asal/ pembekal;

- 5.7 pegawai COS, CFS, sementara dan PSH/Personel MySTEP yang tamat tempoh kontrak dan telah dilantik semula;
- 5.8 pegawai COS yang meletak jawatan dengan pemendekan notis kerana menjawat jawatan lain dalam perkhidmatan awam;
- 5.9 pegawai yang bertukar masuk ke Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang dari Perkhidmatan Awam Negeri lain atau Perkhidmatan Awam Persekutuan;
- 5.10 pegawai yang bertukar keluar dari Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang ke Perkhidmatan Awam Negeri lain atau Perkhidmatan Awam Persekutuan akan diselaraskan dengan Jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;
- 5.11 pegawai yang bersara/meninggal dunia akan diselaraskan dengan jumlah bayaran mengikut pekeliling yang akan dikeluarkan oleh pihak JPA, sekiranya ada;
- 5.12 pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara COS dalam tahun 2023 selepas tarikh bersara dari perkhidmatan akan diselaraskan dengan jumlah bayaran mengikut pekeliling yang akan dikeluarkan oleh pihak JPA, sekiranya ada;
- 5.13 pegawai – pegawai yang telah mengisytiharkan harta sehingga 18 Disember 2023, berdasarkan tatacara yang digariskan dalam MyPPSM Ceraian UP.7.2.6 – Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam; dan
- 5.14 pegawai – pegawai yang merupakan penerima pinjaman pendidikan dari Unit Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang, dan masih mempunyai tunggakan bayaran berdasarkan Jadual Pembayaran Balik, bayaran BKK2 akan dikontrakkan dengan jumlah

tunggakan tersebut. Lebih daripada bayaran kontra berkenaan, sekiranya ada, akan dibayar kepada pegawai berkenaan

## **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

6. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK2 adalah seperti berikut :
  - 6.1 pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tempoh **18 April 2023 hingga 18 Disember 2023**;
  - 6.2 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh **18 April 2023 hingga 18 Disember 2023**;
  - 6.3 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam termasuk pegawai tetap, lantikan sementara, COS, CFS dan PSH/Personel MySTEP dalam **18 April 2023 hingga 18 Disember 2023**;
  - 6.4 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh **18 April 2023 hingga 18 Disember 2023**;
  - 6.5 pegawai yang **tidak hadir bertugas** tanpa kebenaran Ketua Jabatan mengikut Perintah Am (P.A) 14A(a) Bab C yang **melebihi 3 hari** dalam tempoh **18 April 2023 hingga 18 Disember 2023**; dan
  - 6.6 pegawai – pegawai yang **tidak mengisytiharkan** harta sehingga **18 Disember 2023**, berdasarkan tatacara yang digariskan dalam MyPPSM Ceraian UP.7.2.6 – Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam.

## **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA TAHUN 2023**

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan pemberian BKK2. Pegawai hanya layak dibayar BKK2 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

### **TARIKH PEMBAYARAN**

8. Pembayaran BKK2 akan dilaksanakan pada **19 Disember 2023**.

### **TARIKH RAYUAN**

9. Tarikh akhir bagi sebarang permohonan atau rayuan BKK2 adalah sebelum atau selewat-lewatnya pada **27 Disember 2023** dan perlu dikemukakan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dengan perakuan melalui Ketua Jabatan.

### **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

10. Pembayaran BKK2 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

### **TARIKH KUAT KUASA**

11. Surat pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya, Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini juga dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) termasuk Ahli Majlis PBT di Pulau Pinang.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

  
**(DATO' ZABIDAH BINTI SAFAR)**  
**Pegawai Kewangan Negeri**  
**b.p. : Setiausaha Kerajaan Negeri**  
**7 Disember 2023**

**Semua Ketua Bahagian PSUKPP**  
**Semua Ketua Jabatan Negeri**  
**Semua Pihak Berkuasa Berkanun**  
**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**